

Rosmah gesa mahasiswa jangan percaya pembangkang tentang GST
Malaysian Insider
June 22, 2014
Oleh Diyana Ibrahim

Mahasiswa di negara ini digesa untuk tidak terlalu percaya berita yang disebarkan di portal pembangkang, sebaliknya disarankan untuk menyelidik kesahihan terlebih dahulu, kata isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau mendakwa pembangkang selalunya akan memutarbelitkan fakta, termasuklah dalam isu pelaksanaan cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang bakal dilaksanakan pada April depan.

"Mahasiswa perlu banyak baca suratkhobar, jangan baca portal pembangkang, jika baca suratkhobar dan tonton televisyen, sebenarnya kerajaan tidak seburuk mana yang pembangkang gambarkan.

"Seperti GST, pembangkang suka putarbelit fakta, jadi janganlah dengar cakap mereka," katanya dalam ucapannya di majlis penyampaian anugerah nadi negara wanita Umno di Kuala Lumpur hari ini. Pada masa sama, isteri perdana menteri itu juga berkata tidak menyalahkan segelintir kecil mahasiswa yang bertindak mengikut perasaan dan secara terburu-buru tanpa memahami keadaan sebenar.

Katanya kumpulan mahasiswa berkenaan kemungkinan tidak mendapat gambaran sebenar mengenai usaha dan peranan kerajaan membangunkan negara.

"Kajilah dahulu sumber maklumat tersebut barulah nanti buat pertimbangan sewajarnya.

"Jika kita bertindak melulu dan membantu menabur fitnah merata-rata, kita harus ingat perbuatan tersebut bakal membinasakan masa depan anda sendiri dan memperjudikan negara kelak.

Oleh demikian, beliau menyarankan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) mengadakan taklimat kepada mahasiswa bagi menerangkan kejayaan dan pencapaian yang diperoleh kerajaan.

Katanya, kritikan hebat yang diterima kerajaan berpunca daripada kurangnya maklumat sehingga ke akar umbi.

"Baru-baru ini saya dan ahli Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri (Bakti) diberikan taklimat oleh Pemandu mengenai usaha kerajaan memacu dan mentransformasikan negara.

"Kita sepatutnya berasa bangga kerana Malaysia menduduki carta ke-12 di dunia sebagai negara paling mudah untuk mengurus niaga.

"Namun sekiranya pencapaian ini tidak diceritakan kepada golongan mahasiswa, mereka akan terus berada dalam kegelapan dan dimomokkan oleh isu yang ingin dimainkan setengah pihak tidak bertanggungjawab. – 22 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rosmah-gesa-mahasiswa-jangan-percaya-pembangkang-tentang-gst>